



Kumpulan Dikir Barat Warisan Sri Pujangga ukir nama



Oleh: BADRUL NAIM ABIDIN

Kumpulan Dikir Barat Warisan Sri Pujangga Universiti Malaysia PAhang (UMP) berjaya mendapat tempat ketiga dengan membawa pulang wang tunai RM3,000 dalam pertandingan Dikir Barat Terbuka Peringkat Kebangsaan yang dianjurkan oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia bertempat di Kompleks Kraf Jalan Conlay Kuala Lumpur pada 4 April 2015 yang lalu.

Tempat pertama dimenangi oleh Kumpulan Gemersik Alam yang membawa hadiah wang tunai RM7,000 diikuti tempat kedua oleh Kumpulan Dikir Hulu Balang Sultan Mizan dengan hadiah wang tunai RM5,000.

Kumpulan Dikir Barat Warisan Sri Pujangga UMP ini menampilkan dua orang penyanyi iaitu Tuan Fazzimy Tuan Din selaku Tok Juara dan Mohamad Fikri Abdul Gani selaku tukang karut.

Penyertaan kali ini berjaya menarik perhatian penonton dan juri bagi melayakkan kumpulan ke Peringkat Akhir.

Penasihat Dikir Barat UMP, Badrul Naim Abidin berkata, sebanyak 11 kumpulan menyertai pertandingan dikir barat terdiri daripada kumpulan dikir IKN, Warisan Seni Samudera, Seri Pantai Puri, Balong Mas, Kumpulan Dikir Hulu Balang Sultan Mizan, Seri Pusaka Apu, Tabuh Pendeta, Gemersik Alam, Warisan Sri Pujangga dan Dikir Bajet.

"Lima daripada yang layak ke Pentas Akhir adalah Warisan Sri Pujangga UMP, Warisan Seni Samudera (Batu Caves), Balong Mas (Presint 9 Putrajaya), Kumpulan Dikir Hulu Balang Sultan Mizan (IPC Dungun) dan Gemersik Alam (Petaling Jaya)," katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin melahirkan

rasa bangga dengan kejayaan kumpulan ini sungguhpun baharu ditubuhkan namun telah berjaya menempa nama di peringkat kebangsaan.

Katanya, kejayaan ini pastinya melibatkan komitmen semua pendikir UMP yang sentiasa bersemangat, berdisiplin, bekerjasama dan berusaha bagi mencapai sesuatu kejayaan dan kepuasan di dalam persembahan.

Kumpulan Warisan Sri Pujangga ini juga terlibat dalam beberapa persembahan antaranya menjayakan persembahan jemputan bagi siaran Karoot Komedia X siri keempat yang berlangsung di Studio Finas Hulu Klang dan bakal mengadakan persembahan inter budaya Malaysia-Indonesia serta membuat persiapan bagi menyertai Pertandingan Peringkat IPT yang akan diadakan pada 17 sehingga 19 April ini di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).